

Pulau Pinang gerbang utama import, eksport

BH-25/7/2001

Bawa kesan gandaan ekonomi ke 3 negeri dalam jangka panjang: Koh

Oleh Fazallah Pit
dan Mohd Anwar Patho Rohman

GEORGETOWN: Pulau Pinang bakal menjadi gerbang utama kegiatan eksport, import dan pelaburan utama di utara Semenanjung apabila Koridor Ekonomi Wilayah Utara (NCER) yang dirancang kerajaan menjadi kenyataan.

Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon (*gambar*), berkata inisiatif bersepadu NCER yang akan dilaksanakan kerajaan mampu membawa pelbagai kesan gandaan ekonomi ke Pulau Pinang, Kedah, Perak dan Perlis dalam jangka panjang.

"Pulau Pinang yang dipilih sebagai hab logistik akan berkembang dengan pesat dan rancak bersama tiga negeri jiran kerana akan menjadi

FAKTA NOMBOR

Peratusan sumbangan sektor pembuatan kepada KDNK

43

Pulau Pinang

20

Kedah dan Perlis

gerbang urusan eksport, import dan menarik pelaburan.

"Urusan eksport dan import tertumpu kepada bidang pertanian dan industri asas tani yang dihasilkan negeri jiran Pulau Pinang," katanya pada sidang akhbar di pejabatnya di Kompleks Tun Abdul Razak (Komtar), di sini, semalam.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan melancarkan NCER pada 30 dan 31 Julai ini, di Perlis dan Pulau Pinang bagi merencanakan lagi pertumbuhan ekonomi di utara Semenanjung.

NCER membabitkan jumlah pelaburan besar untuk 20 tahun pelaksanaannya.

Berdasarkan pelan komprehensif disediakan Kumpulan Sime Darby Bhd, tema yang digunakan bagi Per-

lis ialah berkaitan teknologi benih, pengurusan estet (Kedah), hab logistik (Pulau Pinang) dan pembangunan modal insan (Perak).

Pembangunan NCER dijangka membolehkan lebih banyak hasil pertanian dan industri asas tani di samping elektronik serta pembuatan lain akan dieksport melalui pelabuhan dan lapangan terbang di Pulau Pinang.

Kata Koh, dalam konteks ini, semua negeri akan mendapat manfaat kerana ia bukan usaha memajukan sebuah negeri saja tetapi untuk semua yang dijalankan secara bersama.

Justeru, katanya, Pulau Pinang akan bekerjasama rapat dengan tiga kerajaan negeri itu dan sektor swasta menerusi penyelarasan pada peringkat Pusat bagi memastikan pelaksa-

naannya berjalan dengan berkesan.

"Kita perlu optimis dengan manfaat NCER dan perlu bekerja dalam satu pasukan sebagai rakan pintar yang bersepadu dan sehaluan. NCER tidak akan menjejaskan konsep Bandar Siber yang dilaksanakan di Bayan Lepas, Bertam dan akan datang di Batu Kawan," katanya.

Sebaliknya kata beliau, Bandar Siber Pulau Pinang akan diselaraskan dengan NCER supaya ia lebih berdaya saing dan saling bekerjasama.

Dalam perkembangan berkaitan, Koh berkata, beberapa syarikat multinasional Jepun berminat untuk terus melabur dan menambah pelaburan mereka di Pulau Pinang apabila dimaklumkan mengenai inisiatif NCER.